



30 OCT, 2021

Pergiat promosi makanan di Osaka

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Pergiat promosi makanan di Osaka

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) Tokyo memperluas pelaksanaan program Malaysia Fair 2021 yang telah bermula di Mega Don Quijote Shibuya, Tokyo ke Mega Don Quijote Shin Sekai, Osaka.

MAFI menerusi satu kenyataan memaklumkan, program yang bermula semalam hingga 31 Disember itu diadakan di Don Quijote iaitu rangkaian pasar raya diskaun terbesar dan paling popular di Jepun serta sinonim dalam kalangan pelancong asing ke negara itu.

Menurutnya, program tersebut telah dirasmikan oleh Duta Besar Malaysia ke Jepun, Datuk Kennedy Jawan pada 15 September bertujuan memperkukuh jenama Malaysia serta mempromosi dan mengkomersialkan 75 unit simpanan stok (SKU) produk makanan Malaysia.

"Sebanyak 15 SKU produk usahawan bimbingan MAFI dikomersialkan terutama di

bawah jenama My Kitchen setelah melalui proses saringan, percubaan eksport dan promosi.

"Turut dipromosikan adalah produk makanan daripada jenama sedia ada di Jepun seperti Adabi, Ayam Brand, Life, Boh dan Brahim's yang telah mempunyai penggemar tetap serta sebagai tarikan orang ramai bagi mempromosi produk-produk baharu," katanya di sini semalam.

Selain itu, julung kalinya nangka madu sejuk beku dikomersialkan di Jepun dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan merupakan salah satu produk buah-buahan diberi penekanan oleh PPP Tokyo untuk dipromosikan di Jepun selain durian musang king.

Katanya, ia mula aktif dipromosikan semasa program Malaysia Fair 2019 serta mempunyai prospek baik di pasaran Jepun berdasarkan respon diberikan oleh warga Jepun yang rata-rata menggemari kemanisan produk Malaysia.



SEBAHAGIAN barangan Malaysia yang dijual di pasar raya Don Quijote, Osaka, Jepun sehingga 31 Disember ini.



30 OCT, 2021

Pergiat promosi makanan di Osaka

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) Tokyo memperluas pelaksanaan program Malaysia Fair 2021 yang telah bermula di Mega Don Quijote Shibuya, Tokyo ke Mega Don Quijote Shin Sekai, Osaka. MAFI menerusi satu kenyataan memaklumkan, program yang bermula semalam hingga 31 Disember itu diadakan di Don Quijote iaitu rangkaian pasar raya diskaun terbesar dan paling popular di Jepun serta sinonim dalam kalangan pelancong asing ke negara itu.